



Peserta akhir ialah:

- Universiti Teknologi PETRONAS (UTP)
- Universiti Kuala Lumpur (UniKL)
- Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- Universiti Teknologi MARA (UiTM)
- Politeknik Ungku Omar (PUO)
- Universiti Malaya (UM)
- Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
- Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
- Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
- Universiti Malaysia Pahang (UMP)

Aminar Rashid (berdiri lima dari kiri) bersama Finalis Cabaran Eko PERODUA 2017 di PERODUA Sentral, Petaling Jaya.

PEC 2017 kembali

BERITA HARIAN (BERITA IPT) 15 DIS 2016 m/s V3

Oleh **Zuraidi Mansor**
bhvarsiti@bh.com.my

► **Petaling Jaya**

Seramai 10 penuntut institusi pengajian tinggi tempatan bakal berentap bagi merebut hadiah keseluruhan bernilai RM80,000 dalam Cabaran Eko PERODUA 2017 (PEC 2017) anjuran Perusahaan Otomobil Kedua Sendirian Berhad (PERODUA).

Berbeza dengan penganjur sebelum ini, rekaan yang memenangi pertandingan itu berpeluang dipilih untuk dijadikan sebahagian daripada komponen model kereta Perodua akan datang.

Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif



Datuk Aminar Rashid Salleh

PERODUA, Datuk Dr Aminar Rashid Salleh, berkata PEC 2017 diharap dapat melahirkan penuntut yang mampu menghasilkan inovasi baharu dalam rekaan kereta.

“PEC 2017 lebih unik

dengan format baharu, iaitu peserta akhir perlu menghasilkan rekaan komponen kereta yang mengandungi elemen ECO iaitu mesra alam sekitar, kreatif dan idea asal.

“Pemenang berpeluang memenangi pelbagai hadiah menarik, malah rekaan peserta juga mungkin akan dipilih untuk dijadikan sebahagian daripada model kereta baharu Perodua,” katanya pada majlis pengumuman peserta akhir PEC 2017 di sini, baru-baru ini.

Yang turut hadir ialah Presiden PERODUA Auto Corporation Sdn Bhd, Masanori Takahashi; Presiden PERODUA Global Manufacturing Sdn Bhd, Datuk Ahmad Suhaimi Hashim; Pengarah Urusan PERODUA Sales Sdn Bhd, Datuk Dr Zahari Husin



dan Pengarah Eksekutif PERODUA, Kurinami Takamasa.

Fokus kualiti

PEC 2017 adalah program tanggungjawab sosial korporat terbesar PERODUA

yang memabatkan tiga peringkat cabaran, iaitu penghasilan kertas pemasaran produk, proses pembangunan komponen dan pembentangan kemahiran, iaitu prototaip kerja.

Peserta akhir PEC 2017

dipilih berdasarkan empat kriteria, iaitu kertas cadangan projek (30 peratus), status kemajuan (40 peratus), pembentangan akhir (25 peratus) dan reka bentuk (5 peratus) yang berlandaskan konsep Eko.